

**SULIT**

**NAMA SEKOLAH MASING-MASING**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

**1103/2**

**2½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang telah disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah menghargai kepelbagaian budaya dan kepentingannya terhadap negara**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

*Biar mati anak, jangan mati adat* merupakan peribahasa Melayu yang menunjukkan betapa adat resam dan amalan tradisi sangat dititikberatkan dalam masyarakat. Adat resam merupakan sebahagian daripada budaya bangsa atau etnik yang melambangkan identiti komuniti tersebut. Budaya merupakan indikator penting yang mencerminkan jati diri seseorang individu dan mampu dijadikan medium untuk merapatkan hubungan antara rakyat.

Setiap individu seharusnya peka dengan kewujudan budaya yang pelbagai di Malaysia dan tidak menggunakan alasan perbezaan budaya sebagai punca yang menghalang pergaulan antara kaum. Hal ini disebabkan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negara ini dituturkan oleh setiap rakyat yang membolehkan komunikasi antara mereka berlaku dengan baiknya. Selain itu, proses akulturasi yang merujuk kepada penyerapan unsur kebudayaan daripada satu budaya kepada budaya yang lain dapat menyemai semangat kekitaan dalam kalangan rakyat.

Perkongsian amalan tradisi dan adat resam, terutama bagi kaum yang serumpun, dapat mengurangkan jurang perbezaan kaum jika hal ini dihayati. Sebagai contoh, pengantin Melayu dan India mempraktikkan amalan memakai inai di jari dalam majlis perkahwinannya dan mengunyah sirih pada waktu senggang. Kaum Baba Nyonya dan masyarakat Melayu juga mempunyai persamaan budaya yang banyak hasil daripada proses asimilasi dan akulturasi yang seharusnya dihargai serta dijadikan medium yang dapat merapatkan perhubungan antara dua kaum ini.

Dengan memahami sejarah adat resam dan amalan tradisi yang diamalkan, kita dapat mengetahui asal usul masyarakat yang mempraktikkannya, yang sebenarnya mungkin berasal daripada budaya kaum lain. Sebagai contoh, perkahwinan masyarakat Melayu yang melibatkan hiasan pelamin dan adat bersanding diadaptasi daripada amalan kaum India. Sejarah sesuatu budaya yang dihayati dapat mendekatkan jurang perbezaan antara kaum apabila budaya tersebut merupakan perkongsian antara dua atau lebih kaum yang berbeza.

Perbezaan budaya dan amalan tidak seharusnya menjadi punca perpisahan kaum, tetapi perlu berfungsi sebagai wadah penyatuan rakyat apabila perbezaan itu dianggap keunikan yang perlu didekati dan dikenali, seperti kata pepatah, *tak kenal, maka tak cinta*. Oleh hal yang demikian, setiap individu perlu membuang rasa prejudis atau persepsi negatif terhadap kaum lain. Syak wasangka yang berlandaskan perkauman boleh mewujudkan diskriminasi kaum yang seterusnya mengundang perbalahan dalam masyarakat dan **menghalang integrasi** antara kaum.

Selain itu, rakyat Malaysia perlu mengelakkan sikap etnosentrik, iaitu kecendurangan untuk menganggap masyarakat dan budaya sendiri lebih unggul daripada yang lain.

Sehubungan dengan itu, rakyat tidak boleh sewenang-wenangnya menyuarakan pendapat yang provokatif dan menyentuh sensitiviti bangsa tertentu sehingga boleh mencetuskan ketegangan kaum. Hal ini penting agar rakyat menghargai kepelbagaian warisan tradisi kaum-kaum di Malaysia.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
“Menghargai dan Menghormati Kepelbagaian Budaya”,  
oleh Nuraziah Mohd Amin,  
Dewan Siswa Jun 2016)

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menghalang integrasi*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan bukti kewujudan perkongsian amalan tradisi dan adat resam antara kaum di Malaysia.

Nyatakan dua bukti tersebut.

[3 markah]

- (iii) Kepelbagaian budaya dalam kalangan masyarakat setempat amat perlu dihargai.

Pada pendapat anda, bagaimanakah anda menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dalam kalangan komuniti setempat?

[4 markah]

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Usia Ahmad Mutawakkil pada ketika itu, baru 17 tahun. Meskipun masih terlalu muda remaja, setiap kata dan tindak-tanduk Ahmad Mutawakkil sangat berpengaruh. Selain dihormati di kampungnya sendiri, dia juga disegani di seluruh daerah. Tatkala sayap parti dikembangkan ke daerah kami, dia terpilih sebagai antara orang kuatnya.

Sekalipun secara terbuka Ahmad Mutawakkil berjuang menentang Inggeris, dia tetap akrab dan mesra dengan keluarga Tuan Booth yang kembali ke estet sebaik-baik saja Jepun kalah.

"Saya suka pemuda yang berani," kata Tuan Booth. "Sekarang," kata Orang Putih itu lagi, "di mana-mana, orang Melayu sudah lawan Inggeris, dan Ahmad Mutawakkil nasionalis Melayu paling muda."

Sejak kembali, Tuan Booth jauh berubah. Dia tak lagi terperap di estet. Pada setiap petang, biasanya selepas solat asar, biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau. Dia akan duduk berbual-bual, bercerita itu ini, terutama dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap. Ada sekali, sewaktu Ahmad Mutawakkil balik ke kampung, Tuan Booth mengundang kami ke banglonya.

"Dia pelawa kita minum teh di banglonya," kata Ahmad Mutawakkil. "Saya fikir, Tuan Booth ikhlas nak berbaik-baik."

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil meluahkan pandangan. "Selama tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuh, hati Melayu penuh dengan persahabatan."

Dipetik daripada cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa perubahan dalam diri Tuan Booth sejak beliau kembali semula ke estet setelah kekalahan Jepun.

Nyatakan perubahan-perubahan tersebut.

[2 markah]

- (ii) Penduduk di kawasan kejiran anda terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Sebagai remaja, kemukakan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengekalkan keharmonian di kawasan kediaman anda.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat-ayat anda sendiri.

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tiada patik bertemu. Insya-Allah, kelak malam patik cuba main perajurit itu, dengan berkat arwah guru patik. “Maka raja pun diamlah.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi”

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurut. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana pun tahu akan Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “*Teririk bangkai* pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata. “Cis, mati engkau olehku!” kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *teririk bangkai*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan persiapan-persiapan yang dilakukan oleh Kertala Sari sebelum membakar dan merngamuk pada malam itu? [3 markah]
- (iii) Kejadian mencuri dan merompak merupakan antara anasir jenayah yang masih berlaku dalam negara kita.

Apakah langkah-langkah yang paling berkesan untuk membendung isu kecurian dan rompakan di negara kita pada masa ini?

[3 markah]

**Soalan 2(d) – Seloka**

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Berbuat istana zaman dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota,  
Lalu dipanggil Pawang Raja,  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya,  
Besar tersgam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti,  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina,  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru,  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Za'ba, 2008  
Antologi *Sejada Rindu*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan seloka tersebut, nyatakan **dua** reka bentuk tiang dalam istana yang telah siap dengan alatnya. [2 markah]

(ii) Seni bina istana zaman dahulu sangat menitikberatkan unsur kesenian terutama dari segi keunikan ukirannya.

Pada pendapat anda, mengapakah unsur tradisional ini perlu dipelihara dalam kalangan masyarakat hari ini? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut? [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tegur
- (ii) serak
- (iii) selak

[6 markah]

(b) Tukarkan setiap ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

- (i) Malaysia mempamerkan aksi yang membanggakan apabila berjaya mengutip 17 emas dalam kejohanan sukan itu.
- (ii) Kita tidak dapat manafikan hakikat bahawa cuaca memainkan peranan penting dalam hidup.
- (iii) Pihak berkuasa hendaklah menjalankan kempen keselamatan di jalan raya untuk memastikan jumlah kemalangan berkurangan.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Dalam usaha hendak melahirkan atlit setaraf dunia serta jenerasi yang berdaya saing, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan setiap murid sekolah menyertai satu bidang sukan sebagai landasan untuk menyungkil bakat sukan pada peringkat akar umbi yang berlaku secara kolektif, bersepadan dan konsisten.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau **istilah** dan satu **kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau **istilah** dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ayah memberitahu saya dan emak bahawa kami akan pulang di Angsana Kampung pada hujung minggu itu untuk melihat nenek.
- (ii) Pekerjaan itu haruslah dilakukan mengikut produser supaya mendapat kelulusan dari pihak berkuasa.
- (iii) Koleksi kereta-kereta model terbaharu keluaran syarikat pengeluar kereta nasional itu mendapat sokongan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia.

[6 markah]

(e) Berikan **satu** peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa di bawah.

- (i) Musuh dalam selimut.
- (ii) Menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri.
- (iii) Bagaimana acuan begitulah kuihnya.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Pada bahagian perkembangan sebuah novel yang anda pelajari telah menarik minat anda kerana terdapat keistimewaannya yang tersendiri.

Huraikan **dua** keistimewaan tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** persamaan latar masyarakat yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**